

27 FEB 1998  
Rakyat-Bersatu  
RAKYAT MALAYSIA HARUS BERSATU

KUALA TERENGGANU, 27 Feb (Bernama) -- Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum seharusnya bantu-membantu dan memberi pertolongan dalam semua segi bagi menangani masalah ekonomi sekarang ini.

Naib Presiden MCA Datuk Dr Fong Chan Onn berkata, dalam keadaan sekarang, rakyat hendaklah mengukuhkan semangat perpaduan yang merupakan ciri penting dalam negara.

Beliau juga berkata cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membenarkan Bukan Bumiputera membeli saham syarikat milik Bumiputera wajar di sambut baik sejajar dengan semangat Barisan Nasional (BN).

"MCA akan memberikan sokongan dan kerjasama yang diperlukan dan apa juga keputusan yang dibuat kerajaan adalah untuk mengatasi masalah ekonomi sekarang bagi melahirkan sebuah masyarakat yang bersatu padu," katanya kepada pemberita hari ini.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Pendidikan diminta mengulas mengenai cadangan yang dibuat itu selepas memberikan Taklimat Ekonomi kepada MCA negeri di sini. Taklimat seumpama itu telah dijalankan di seluruh negara.

Kerajaan juga telah menjamin langkah itu bersifat sementara sebagai langkah membantu dan menyelamatkan syarikat Bumiputera yang menghadapi masalah dalam keadaan ekonomi yang gawat ini.

Fong berkata, anggota-anggota MCA juga akan diberikan taklimat mengenai ekonomi negara dari semasa ke semasa dan langkah-langkah kerajaan dalam menangani masalah itu.

Dalam perkembangan yang sama, Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata, tidak banyak syarikat Bumiputera yang besar terjejas dengan keadaan ekonomi sekarang untuk diselamatkan daripada ditutup seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri.

Beliau yang diminta mengulas perkara itu selepas merasmikan Mesyuarat Agung Umno Berkelompok Dewan Undangan Negeri Kawasan Paka, malam tadi, berkata, kebanyakan syarikat yang menjalankan projek di negeri ini merupakan agensi kerajaan.

"Daripada tidak ada langsung (syarikat ditutup atau bankrup), lebih baik dibuka (pegangan saham syarikat Bumiputera) kepada yang Bukan Bumiputera...kemungkinan dalam jangka masa yang cepat ia boleh pulihkan kembali masalah yang dihadapi," katanya.

Beliau berkata cadangan itu juga tidak bermakna merosakkan rancangan kerajaan untuk mengimbangkan kedudukan Bumiputera dengan bukan Bumiputera dalam bidang ekonomi dan ia hanya bersifat sementara sahaja.

Rancangan untuk mengimbangkan kedudukan Bumiputera dengan bukan Bumiputera dalam bidang ekonomi akan tetap diteruskan oleh kerajaan walaupun dalam apa jua keadaan. -- BERNAMA

SBS PR